

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Menservis Peralatan Elektrik Domestik (MPED) 7109/1 mengandungi 15 soalan subjektif yang dibahagikan kepada tiga bahagian.

- Bahagian A Mempunyai 10 soalan aras rendah yang membawa 5 skor setiap soalan. Setiap soalan bahagian A wajib dibantu dengan rajah.
- Bahagian B Mengandungi soalan untuk aras sederhana yang menampilkan soalan aplikasi. Terdapat 3 soalan dalam bahagian ini, setiapnya membawa 10 skor.
- Bahagian C Mengandungi soalan untuk aras tinggi yang mengandungi 2 soalan menampilkan soalan kreativiti, setiapnya membawa 10 skor.

Semua soalan perlu dijawab dalam masa 2 ½ jam.

PRESTASI KESELURUHAN

Majoriti calon mendapat skor yang sederhana. Hanya segelintir calon yang memperolehi skor tinggi. Masalah majoriti calon tidak dapat menguasai bahasa, istilah dan ejaan dengan baik walaupun calon memahami kontens pembelajaran. Majoriti calon gemar dengan soalan berbentuk penyambungan peralatan atau litar, manakala soalan berbentuk pengiraan dan esei tidak digemari oleh calon.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon memahami kehendak soalan dan menunjukkan penguasaan kompetensi menservis yang cukup. Jawapan yang baik, calon dapat menjelaskan jawapan dengan teratur kerana menguasai bahasa selain daripada penguasaan ilmu teknikal.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Kumpulan majoriti ini memahami kehendak soalan tetapi tidak dapat memberikan jawapan yang tepat kerana salah guna istilah dan tidak dapat menguasai bahasa yang baik. Daripada jawapan yang diberi, didapati calon dalam kumpulan ini memahami kontens pembelajaran hanya kaedah menjawab sahaja yang kurang jelas.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon dalam kumpulan ini mempunyai kelemahan mengaplikasi kompetensi dalam proses menservis peralatan elektrik. Sebilangan calon sekadar menjawab soalan bahagian A yang difahami sahaja. Terdapat calon yang tidak menjawab skrip langsung.

PRESTASI TERPERINCI

Bahagian A

Soalan 1

Soalan berkehendakkan bagaimana calon membuat pengujian untuk menentukan kerosakan bahagian litar. Contoh jawapan yang tepat adalah menguji bahagian keterusan dengan meter pelbagai. Majoriti calon hanya menjawab jenis kerosakan atau putus sahaja.

Soalan 2

Calon dapat memahami soalan. Majoriti calon memperolehi skor yang baik. Ini kerana rajah banyak membantu calon menjawab.

Soalan 3

Calon dapat mengenali proses pengujian kipas meja mengikut carta aliran dalam rajah. Sebahagian besar calon tidak mendapat skor penuh kerana tidak memberi jawapan yang tepat mengikut kehendak soalan.

Soalan 4

Soalan ini digemari oleh calon, hampir keseluruhannya menjawab, tetapi tidak mendapat skor yang penuh. Kesilapan utama calon ialah menyambung dari koil primer alat ubah.

Soalan 5

Calon dapat memahami kehendak soalan membuat lakaran sambungan pendawaian lampu pendarflour dengan baik dan tepat. Rajah banyak membantu calon.

Soalan 6

Tidak semua calon yang menjawab mengikut kehendak soalan. Ada yang menerangkan bahagian yang diberi dan bukannya proses kendalian. Contoh jawapan sebenar bagaimana hendak mengendalikan periuk nasi mengikut manual pengguna. Sebahagian calon menjawab fungsi peralatan tersebut.

Soalan 7

Hampir keseluruhan calon dapat membuat penyambungan dengan betul kerana mempunyai rajah petunjuk yang jelas dan dapat membantu calon menjawab dengan tepat.

Soalan 8

Hampir semua Calon tidak memahami kehendak soalan yang diberi, berkaitan dengan nilai perintang yang dikehendaki dalam soalan. Calon memberi nilai kod warna yang salah pada jalur warna yang diberi. Calon sepatutnya menjawab mengikut urutan yang diberikan dalam ruangan jawapan.

Soalan 9

Hampir semua calon dapat menjawab dengan betul kerana calon memahami soalan serta rajah yang diberikan tetapi calon tidak memperolehi markah penuh disebabkan calon memberi satu jawapan sahaja dalam ruangan disediakan, sedangkan mengikut peraturan jawapan lebih dari satu.

Soalan 10

Hanya calon yang berprestasi tinggi sahaja dapat menjawab dengan baik. Ini kerana kehendak soalan memerlukan penerangan yang jelas mengenai kaedah mengesan punca kerosakan dan jenis peralatan yang digunakan.

Bahagian B

Soalan 1

Jawapan calon berkehendakkan mengesan kerosakan dan membaikpulih peralatan pengering rambut yang tidak menghembus dengan laju dan tidak panas. Calon yang pernah menservis peralatan tersebut dapat menjawab dengan baik walaupun bahasa dan istilahnya tidak baik. Sebaliknya calon yang kurang memberi perhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran tidak menjawab mengikut peraturan pemarkahan yang diberi.

Soalan 2

Majoriti calon aras tinggi dan sederhana dapat menjawab mengikut peraturan pemarkahan yang ditetapkan kerana soalan yang diberi disertakan dengan rajah yang mempunyai penunjuk yang berlabel. Ini memudahkan calon menjawab mengikut turutan yang betul.

Soalan 3

Hampir keseluruhan calon menjawab soalan ini kerana soalan yang diberikan mudah difahami oleh calon, hanya sebahagian sahaja mendapat skor maksimum. Sebahagian besar calon gagal memperolehi skor maksimum kerana calon memberi pengiraan dan rumusan yang tidak tepat.

Bahagian C

Soalan 1

Terdapat sebahagian calon sahaja yang menjawab soalan bahagian ini, kebanyakannya adalah calon yang berprestasi tinggi. Jawapan dari soalan ini memerlukan kefahaman dan pengetahuan dalam bidang keusahawanan dan perniagaan. Calon yang menjawab hanya memperolehi skor yang rendah. Jawapan yang maksimum mestilah memenuhi beberapa kriterianya seperti kelancaran, keluwesan, kejelasan dan keaslian. Kebanyakan calon yang memperolehi skor dalam soalan ini hanya memenuhi kriterianya kelancaran dan keluwesan sahaja.

Soalan 2

Sebahagian kecil sahaja calon yang menjawab soalan ini. Tiada calon yang memperolehi skor yang tinggi. Untuk mendapat skor yang tinggi calon perlu memahami ilmu perdagangan serta pengetahuan yang luas melalui pembacaan. Skor yang diberi kepada calon tertakluk kepada peraturan yang mempunyai kriteria kelancaran, keluwesan, kejelasan dan keaslian.

SARANAN KEPADA CALON

1. Perlu memahami soalan dengan membaca secara teliti.
2. Proses mengesan kerosakan, jika perlu diberi ujian meter mesti sebut kaedahnya seperti menguji elemen dengan meter pelbagai ataupun menguji kebocoran arus.
3. Memberi tumpuan lebih dalam bidang mengira kos upah dan bil serta bidang keusahawanan serta urusan perniagaan.
4. Calon perlu menerangkan proses secara bertulis walaupun kompeten dalam pentaksiran dalaman.

SARANAN KEPADA GURU

1. Calon mestilah kompeten didalam semua modul kerana pembinaan item berpandukan kepada kompetensi calon semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
2. Item yang disoal berasaskan kemahiran yang telah dilalui semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Calon dinasihatkan supaya sentiasa menggingati langkah yang telah dibuat semasa kerja amali.
3. Calon harus membaca dengan teliti dan memahami kehendak soalan sebelum menjawab.
4. Kemahiran berbahasa dan menggingati istilah teknikal adalah penting bagi calon untuk mendapat skor yang tinggi dalam peperiksaan.